

# Teknik Retorik dalam Novel *Salina* Karya A. Samad Said

Asrul Azuan Mat Dehan<sup>\*</sup>, Hajah Nor Azuwan Yaakob

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

## Article Information

Received 2 February 2015  
Received in revised form  
2 June 2015  
Accepted 8 June 2015

## Abstrak

Retorik merupakan satu subbidang linguistik yang digunakan sebagai usaha yang efektif untuk menampilkan penggunaan bahasa yang berseni, indah, berkesan dan menekankan aspek kesantunan, keterampilan dan pengaplikasian bahasa baik dalam berkomunikasi sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan. Bidang penulisan kreatif dipilih sebagai skop kajian untuk membuktikan keberkesanan penggunaan retorik dalam penulisan kreatif yang mempunyai fungsi komunikasi secara langsung atau tidak langsung antara pengarang dengan pembaca. Kajian yang berbentuk deskriptif ini dijalankan berpandukan Teori Retorik Moden yang diasaskan oleh Enos dan Brown (1993). Kaedah analisis kandungan digunakan untuk memerikan teks secara tekstual dan kontekstual. Objektif utama kajian adalah untuk menghuraikan teknik retorik dan menganalisis kekerapan teknik retorik yang digunakan dalam novel *Salina* (1961) karya A. Samad Said. Elemen yang ditekankan dalam kajian ini ialah lima teknik retorik yang digunakan oleh A. Samad Said, iaitu teknik penceritaan, pendedahan, pemujukan, pemerian dan penerangan. Berdasarkan penganalisan kekerapan penggunaan teknik retorik, dapatan kajian menunjukkan bahawa retorik penceritaan paling banyak digunakan, iaitu sebanyak 33 kali. Retorik penerangan dan pemerian masing-masing sebanyak 30 kali dan 15 kali. Manakala retorik pendedahan digunakan sebanyak 14 kali. Retorik pemujukan paling sedikit digunakan, iaitu sebanyak lapan kali. Jelasnya, retorik merupakan elemen penting yang membantu pengarang menggunakan bahasa secara berkesan untuk mempengaruhi fikiran, sikap dan pendirian pembaca terhadap karya yang dihasilkan.

© 2015 Penerbit Universiti Malaysia Pahang

*Kata Kunci:* Karya kreatif; Novel; Retorik; Teori Retorik Moden

## Rhetorical techniques in the Novel *Salina* by A. Samad Said

## Abstract

*Rhetoric is a subfield of linguistics, which is used to showcase the figurative, attractive, effective use of language, and emphasizes the modesty elements and applications of good language skills in communication, verbally or in writing. The study covers creative writing in its examination of the effectiveness of rhetoric in such writing, which is believed to have direct and indirect communication functions between authors and readers. This descriptive study was conducted based on the New Rhetoric Theory founded by Enos and Brown (1993). Content analysis approach was used to examine the textual and contextual texts. The main objective is to analyse the rhetorical technique and frequency of rhetoric used in the novel *Salina* by A. Samad Said (1961). The analysis highlighted five rhetorical techniques used by A. Samad Said, which included narrative, exposition, persuasion, descriptive and explanation. The findings show that the narrative rhetoric was most frequently used by the author, which were 33 times. Rhetorical explanations and descriptions were used 30 times and 15 times, respectively, followed by the rhetoric of exposure, 14 times. Least of all, the rhetoric of persuasion were only used 8 times. This indicates the importance of rhetoric as the element that helps author to use language effectively in order to influence thoughts, attitude and readers' point of view.*

*Keywords:* Creative writing; New Rhetoric Theory; Novel; Rhetoric

---

<sup>\*</sup> Corresponding author. Tel.: +6011-1569-9201; Fax: +603-8943-9951.  
E-mail addresses: [asrulazuan90@gmail.com](mailto:asrulazuan90@gmail.com) [Mat Dehan, A.A.]; [azuwan@upm.edu.my](mailto:azuwan@upm.edu.my) [Yaakob, H.N.A.].

## PENGENALAN

Retorik merupakan satu bidang sublinguistik yang penting untuk dikuasai oleh semua penutur bahasa. Retorik sering kali digunakan untuk membantu pengucap atau pengarang menyampaikan idea, saranan, pendapat dan pandangan yang berkesan dan mampu menarik minat pendengar atau pembaca. Retorik merupakan seni yang digunakan untuk mendapatkan keyakinan seseorang melalui wacana bahasa (Lanham, 1991). Selain itu, Raminah Sabran (2002a) menyatakan retorik amat penting kepada pengarang untuk membantunya menterjemah idea dalam bentuk tulisan dengan baik dan berkesan.

Nor Husna Abd. Razak (2011) yang menganalisis retorik dalam iklan kesihatan mendapati pengiklan menggunakan pelbagai struktur ayat yang bersifat retorik untuk memastikan iklan yang dihasilkan mempunyai daya penarik dan berkesan. Selain itu, ayat merupakan satu struktur yang lengkap dan sempurna (Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd. Saleeh Rahamad, 2008). Ayat terdiri daripada binaan perkataan, frasa dan klausa. Ayat boleh terbahagi kepada beberapa bentuk seperti ayat majmuk, ayat tanya, ayat penyata dan ayat seruan.

Retorik digunakan dengan matlamat untuk menarik perhatian pembaca. Oleh itu, novel memainkan peranan untuk mewujudkan hubungan antara pengarang dengan pembaca. Hubungan tersebut diperlukan untuk menyampaikan buah fikiran dan perkongsian pengalaman pengarang dengan pembaca secara berkesan dan sempurna. Hal ini demikian kerana, untuk berhubung dengan pembaca secara bersemuka, merupakan perkara yang mustahil disebabkan jumlah bakal pembaca yang terlalu ramai.

### 1.1 Penyataan Masalah

Penggunaan retorik pada hari ini telah mendapat perhatian yang meluas dalam kalangan pengguna bahasa. Retorik merupakan aspek penting untuk mempengaruhi orang lain melalui penampilan ciri-ciri bahasa yang bergaya, menarik dan seronok didengar. Menurut Sobariah Baharom (2008), penggunaan retorik dianggap sebagai satu kemestian dalam penulisan sesebuah novel atau genre-genre kreatif yang lain. Pemahaman pengucap dan penulis tentang retorik dan kecekapannya menggunakan retorik akan membantunya menghasilkan ucapan dan penulisan yang baik, sempurna dan berkesan. Tanpa unsur retorik, sesebuah karya akan kelihatan hambar.

Dixon (1991) melabelkan retorik digunakan untuk mengharukan atau mempengaruhi khalayak pembaca. Raminah Sabran (2002a) menyatakan retorik merupakan satu seni dalam bidang penulisan. Pengarang menggunakan retorik untuk menyampaikan pendapat, pemikiran, tanggapan, perasaan, idea dan saranan serta gaya yang berkesan dan jelas. Pengetahuan pengarang berkenaan retorik dan kemahiran menggunakan retorik amat berguna untuk membantunya menceritakan idea atau maklumat dengan baik dan berkesan. Corbett dan Connors (1999) menyatakan bahawa retorik merupakan satu aktiviti yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan kita. Setiap hari, pengguna bahasa akan menggunakan retorik atau terdedah kepadanya. Retorik boleh membantu penulis untuk menghasilkan penulisan yang berkesan. Salah satu nilai retorik ialah retorik boleh dilihat sebagai sistem untuk mengumpul, memilih, menyusun dan mentafsir bahan yang dihasilkan. Retorik merupakan satu pendekatan yang positif kepada masalah dalam penulisan.

Walau bagaimanapun, Natanson dan Johnstone (1965) menyatakan retorik merupakan sebuah alat yang tidak bernilai dan tidak berfaedah. Lim (2007) pula menyatakan bahawa pendefinisian retorik dalam keadaan tertentu adalah tidak bersifat positif, iaitu alat yang tidak membantu pengucap atau penulis untuk menghasilkan isi kandungan teks yang mantap dan berkesan. Tuntasnya, retorik sebenarnya merupakan satu kandungan yang digunakan untuk menyampaikan bahasa dengan berkesan dan menampilkan nilai estetika yang tinggi dalam pengucapan atau penulisan. Berdasarkan beberapa kajian lepas di atas, hal ini jelas menunjukkan bahawa kajian retorik dalam bidang penulisan masih memerlukan penelitian dan penganalisisan yang tuntas. Oleh itu, kajian ini akan memberikan penggunaan lima teknik retorik yang berperanan sebagai medium yang membantu A. Samad Said menghasilkan penulisan novel dengan baik dan berkesan.

## 1.2 Objektif Kajian

Kajian ini meneliti perkara yang berikut:

- i. Menghuraikan teknik retorik yang terdapat dalam novel *Salina* karya A. Samad Said.
- ii. Menganalisis kekerapan penggunaan teknik retorik dalam novel *Salina* karya A. Samad Said

## SOROTAN KAJIAN

Retorik merupakan sebahagian daripada ilmu linguistik, khususnya ilmu pengucapan. Selain itu, pengetahuan tentang retorik dan ilmu komunikasi yang mencukupi akan memberi kelebihan kepada individu yang bersangkutan dalam bidang-bidang tertentu, iaitu menguasai ilmu retorik dan keterampilan dalam menggunakan bahasa secara tepat serta dapat meningkatkan kemampuan peribadi individu yang terlibat (Dori Wuwur Hendrikus, P. SVD, 1991).

Gusfield (1992) berpendapat retorik bahawa mutakhir lebih tertumpu kepada kajian pemujukan yang umum, sama ada dalam bidang sains mahupun bidang sastera. Tegasnya, usaha untuk memujuk dan meyakinkan satu-satu khalayak, menampakkan kehadiran retorik, sama ada digunakan secara langsung atau tidak oleh penulis atau pengucap. Retorik baharu lebih tertumpu kepada peninggalan kesan jangka panjang ke atas khalayak. Selain itu, retorik perlu diterapkan ke dalam wacana sains sosial sebagai kajian penghujahan dan pemujukan yang mencakupi pelbagai sudut interaksi manusia, kaedah pendalilan dan emosi.

Retorik merupakan satu usaha untuk mempengaruhi sikap dan perasaan seseorang. Usaha ini dilakukan dengan menggunakan unsur keindahan dan keberkesanan gaya bahasa yang wujud dalam setiap bahasa di dunia ini. Unsur-unsur yang dimaksudkan ialah ketepatan pengungkapan, keberkesanan struktur ayat, penggunaan bahasa kiasan dan penampilan yang sesuai dengan keadaan. Selain itu, penggunaan retorik pada zaman moden memperlihatkan ahli retorik moden tidak lagi menetapkan skop retorik kepada lisan sahaja tetapi retorik pada zaman moden melibatkan seni dalam lisan dan tulisan (Gorays Keraf, 2000).

Retorik moden lebih tertumpu kepada penggunaan bahasa dalam bentuk tulisan. Melalui tulisan, khalayak dan ruang waktunya tidak terbatas. Sebaliknya, pada zaman klasik, retorik lebih menumpukan penyampaian bahasa dalam bentuk lisan yang mempunyai khalayak yang terhad dan ruang waktunya terbatas. Namun, kini penyampaian bahasa secara lisan telah berkembang dengan khalayak lebih luas dan ruang waktu yang tidak terbatas setelah munculnya media elektronik seperti radio dan televisyen (Mohamad Shahidan, 2004).

Nora Aziz (2004) menyatakan bahawa Teori Retorik Moden terhasil daripada penambahbaikan terhadap konsep Teori Retorik Klasik. Pembaharuan yang dilakukan telah menghasilkan definisi retorik yang lebih luas, iaitu retorik didefinisikan sebagai alat yang digunakan dalam bidang pengucapan dan penulisan. Di samping itu, wacana terbahagi kepada beberapa bentuk yang asas, iaitu pemerian, penerangan, pendedahan, penghujahan, penceritaan dan pemujukan.

Awang Sariyan (2006) mentakrifkan retorik merupakan strategi berbahasa yang memberi penekanan terhadap aspek keberkesanan dalam hubungan pengarang dengan pembaca. Selain itu, retorik turut melibatkan soal keterampilan dan kemahiran seseorang melontarkan buah fikiran, idea dan gagasannya. Pada awal kemunculannya, retorik dikaitkan dengan kemampuan dan kemahiran seseorang itu mengemukakan pemikiran sama ada berbentuk hujah atau pidato.

Lim (2007) mendapati bahawa retorik merupakan satu perspektif untuk mentafsir dan mengungkapkan realiti yang berubah dari masa ke masa. Retorik mengkaji penggunaan strategi interpretatif dan ekspresif untuk menangani kehidupan di dunia ini. Di samping itu, retorik dicorakkan oleh saranan bahasa yang digunakan. Hal ini demikian kerana setiap bahasa yang wujud di dunia ini akan memperlihatkan penggunaan gaya retorik yang tersendiri dalam membujuk mahupun menguasai penutur bahasa tersebut.

Raja Masittah Raja Ariffin (2007) menerangkan retorik sebagai alat yang berfungsi untuk menampilkan nilai seni, iaitu bahasa pemujukan dalam percakapan yang digunakan untuk menyatakan tentang pengalaman dan sering kali digunakan untuk berhubung dengan masyarakat disekitarnya. Norhaifa Bakar (2004) menganalisis kegunaan retorik dalam pengucapan telah menjelaskan bahawa retorik merupakan alat yang digunakan untuk menghasilkan bahasa dan menyampaikan mesej dengan jelas, padu dan bermakna. Penggunaan kata perlulah senang untuk dicerna dan difahami oleh pendengar untuk memastikan idea atau saranan dapat disampaikan dengan jayanya.

Nor Azuwan Yaakob (2008) yang menjalankan kajian tentang retorik kewartawanan Melayu berpandukan Model Bell (1991) yang telah dibuat pengubahsuaian dan model yang dibentuk sendiri oleh penyelidik. Berpandukan model yang dibentuk, penyelidik mendapati bahawa keberkesanan retorik terbahagi kepada tiga tingkat, iaitu tingkat kata, tingkat ayat dan tingkat wacana. Analisis yang dijalankan memperlihatkan retorik dunia kewartawanan Melayu telah mantap penggunaannya termasuklah dalam penulisan berita dan rencana.

Ab. Halim Mohamad (2011) menyatakan bahawa ilmu retorik Arab boleh dibahagikan kepada tiga bahagian penting, iaitu ilmu al-bayan, ilmu-ma'ani dan ilmu al-badi'. Fokus utama penulisan ini adalah kepada ilmu al-badi', iaitu ilmu yang membincangkan penggunaan kata dan frasa yang berbunga dalam sesuatu ucapan. Beberapa unsur ilmu al-badi' telah dibincangkan dalam penulisan ini. Antaranya unsur iqtibas (petikan al-Quran atau Hadith tanpa sebarang isyarat kepadanya), tibaq (perkataan berlawanan), jinas (persamaan dua perkataan tetapi berlainan maksud), tawriyah (perkataan yang mempunyai makna zahir dan tersirat), sajj' (sajak) dan muwazanah. Oleh itu, penggunaan retorik Arab telah mewujudkan nilai estetika yang paling istimewa dalam syair Hamzah Fansuri.

## **METODOLOGI**

Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah kajian yang khusus untuk memastikan penyelidikan ini lebih terarah dan sistematik serta memastikan setiap objektif dan pernyataan masalah yang dikemukakan dapat dianalisis dengan tuntas. Kaedah kajian yang dipilih oleh pengkaji ialah kaedah analisis dokumen. Analisis dokumen merupakan satu kaedah penyelidikan yang memberi tumpuan terhadap mesej dengan membuat penelitian secara sistematik terhadap kategori yang dipilih oleh pengkaji. Daripada pemahaman tersebut, pengkaji membuat kesimpulan dan membina pendapat terhadap isu atau aspek yang dikaji (Syed Arabi Idid, 1993).

Kaedah analisis dokumen digunakan untuk menganalisis novel karya A. Samad Said, iaitu Salina. Salina diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1961. Ketebalan novel ini ialah 508 halaman. Salina mengetengahkan isu tentang seorang wanita yang bernama Siti Salina yang hidup dalam kemiskinan, kekeliruan, ketakutan, kekecewaan dan kesedihan serta terpaksa bekerja sebagai pelacur untuk menyara dirinya. Novel ini memaparkan isu pergolakan jiwa, penderaan, percintaan dan kasih sayang. Selain itu, novel ini berkisahakan juga tentang kedaifan masyarakat yang hidup selepas berlakunya Perang Dunia Kedua.

Selain itu, kajian ini menggunakan persampelan sistematik. Melalui sampel yang dipilih, pengkaji telah menetapkan saiz sampel, iaitu halaman yang diberi tumpuan untuk kajian ini adalah 50% daripada jumlah populasi. Di samping itu, kajian ini dijalankan berpandukan Teori Retorik Moden yang dikemukakan oleh Enos dan Brown (1993). Enos dan Brown (1993) menyatakan bahawa retorik bidang penulisan melibatkan penampilan seni dan nilai estetika dalam penggunaan sesuatu bahasa dalam bidang penulisan.

Teori Retorik Moden (1993) mengandungi lima prinsip utama, iaitu pertama mewujudkan penyimpangan dari sudut makna yang memperlihatkan idea disampaikan secara tersirat. Kedua, retorik digunakan untuk mewujudkan kelainan dan penyimpangan bentuk bahasa, iaitu bahasa yang berbunga-bunga. Ketiga, retorik bertujuan untuk mewujudkan kesan yang lebih mendalam terhadap karya yang dihasilkan. Keempat, retorik digunakan untuk menampilkan estetika dalam pemilihan diksi atau penyusunan ayat. Kelima, retorik berfungsi untuk menampilkan pemahaman dan penginterpretian petanda atau ungkapan retorik yang memerlukan keupayaan kognitif, psikologi, pemahaman sosial dan

persekitaran bahasa yang terlibat.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 4.1 Teknik Retorik dalam Novel *Salina* Karya A. Samad Said

Teknik retorik merupakan teknik penulisan yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu idea atau maklumat mengikut konteks yang betul. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, pengkaji mendapati A. Samad Said menggunakan lima teknik retorik untuk membantu beliau menghasilkan karya yang berkesan dan sempurna. Lima teknik retorik yang digunakan oleh A. Samad Said dalam novel *Salina* adalah seperti yang berikut, iaitu:

#### 4.1.1 *Penceritaan*

Retorik penceritaan atau naratif digunakan dalam penulisan karya kreatif seperti novel, cerpen dan hikayat. Pengaplikasian retorik penceritaan oleh pengarang ke dalam karyanya diserlahkan melalui gaya imaginatif. Retorik penceritaan juga dikaitkan dengan penyampaian cerita tentang kisah, peristiwa dan kandungan utama.

Teknik penceritaan digunakan untuk memastikan karya yang dihasilkan menarik, berkesan dan dapat mempengaruhi serta meyakinkan pembaca. Strategi dialog, monolog dan pemerian merupakan teknik yang menjadi pilihan pengarang untuk menyampaikan ideanya kepada pembaca (Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2007). Contohnya adalah seperti yang berikut, iaitu:

- i. Air di baldi Hilmy kesemuanya sudah penuh, dan kain bajunya sudah di cuci. Dia mahu keluar. Di luar terdengar bunyi kereta tolak yang membawa tin-tin dan baldi-baldi sudah semakin dekat.

(SS: 31)

- ii. Hilmy ketawa. Dia duduk dahulu meminum air kopinya. Ibunya mula mengasapi rumahnya, dan mengasapi anaknya itu sekali. Hilmy ketawa lagi.

(SS: 335)

Contoh (i) memperlihatkan A. Samad Said menggunakan retorik penceritaan untuk menceritakan tentang situasi di bilik mandi yang dikongsi bersama masyarakat Kampung Kambing yang lain. Situasi tersebut menceritakan tentang Hilmy yang sudah selesai membasuh pakaiannya dan ingin bergerak keluar dari bilik mandi tersebut telah terdengar bunyi kereta tolak yang membawa tin-tin dan baldi-baldi yang mendekati bilik mandi itu. Contoh ini memperlihatkan penggunaan kata ganti nama diri ketiga, iaitu *dia*. Penggunaan retorik penceritaan dalam contoh ini telah membantu pengarang untuk menghasilkan sebuah penceritaan yang menarik dan mudah difahami oleh pembaca.

Contoh (ii) pula menceritakan tentang situasi perbualan antara Katijah dan Hilmy semasa Katijah sedang mengemas rumahnya, manakala Hilmy sedang meminum air kopi yang disediakan oleh ibunya. Contoh ini memperlihatkan penggunaan kata ganti nama diri ketiga, iaitu *dia*. Retorik penceritaan dalam contoh ini telah menonjolkan situasi yang digambarkan oleh pengarang bahawa Hilmy sedang berbual-bual dengan ibunya. Ayat ini telah memberi kesan dan mempengaruhi pembaca untuk turut bersama-sama menggambarkan situasi tersebut.

#### 4.1.2 Pendedahan

Retorik pendedahan atau eksposisi digunakan untuk menyampaikan idea, pendapat, pandangan dan maklumat secara terperinci dan berkesan. Selain itu, teknik retorik ini digunakan untuk memaparkan dan memperlihatkan kegiatan atau proses yang dahulunya asing kepadanya. Ciri utama retorik pendedahan ialah menghuraikan takrifan sesuatu objek atau peristiwa secara jelas dan disertakan dengan perbandingan. Retorik pendedahan ialah satu kaedah yang digunakan untuk menghuraikan maklumat atau mesej secara objektif melalui teknik pentakrifan dan pencerakinan. Contohnya adalah seperti yang berikut, iaitu:

- i. “Tak dapat tidurlah. Asyik kena betulkan atap saja. Sini dibetulkan sana bocor; sana dibetulkan sini pula bocor. Ada daun labu di atasnya pun tak guna. Bocor juga. Kalaulah begini saja tiap-tiap malam, pendeknya tak dapat tidur langsunglah.”

(SS: 37)

- ii. Ketika darurat di Malaya diisytiharkan, ayah Nahidah dan Mansur, ialah di antara sojar-sojar yang dihantar masuk ke hutan. Tidak lama dia di hutan, hanya tiga bulan sahaja, Nahidah dan Mansur menerima berita bahawa ayahnya menjadi mangsa perang di hutan di Gua Musang.

(SS: 187)

Contoh (i) menerangkan tentang retorik pendedahan yang digunakan oleh A. Samad Said dalam novel *Salina*. Pendedahan yang dilakukan ialah berkaitan dengan atap rumah Hilmy yang sudah bocor dan uzur. Ketika hujan lebat melanda Kampung Kambing, Hilmy terpaksa berjaga malam untuk membetulkan atap rumahnya untuk mengelakkan rumahnya tidak dipenuhi dengan air hujan. Jika hal ini berpanjangan, Hilmy mendedahkan bahawa dia berjaga malam setiap kali hujan turun di Kampung Kambing. Contoh ini jelas menunjukkan bahawa retorik pendedahan amat membantu pengarang untuk menampilkan suatu pendedahan yang menjawab setiap persoalan yang bermain di fikiran khalayak pembaca.

Contoh (ii) pula, memperlihatkan pendedahan tentang peristiwa yang berlaku semasa Malaya diisytiharkan sebagai sebuah negara yang berada dalam keadaan darurat. Oleh hal yang demikian, ayah Nahidah dan abangnya, iaitu Mansur telah dihantar ke dalam hutan di Gua Musang untuk memastikan bandar tersebut tidak jatuh ke dalam tangan penjajah. Setelah tiga bulan mereka berjuang di hutan tersebut, ayahnya telah terbunuh. Penggunaan retorik pendedahan telah menjadi ayat tersebut sebagai ayat yang berkesan dan memudahkan pembaca memahami idea yang hendak disampaikan oleh pengarang.

#### 4.1.3 Pemerian

Retorik pemerian ditakrifkan sebagai retorik yang memperlihatkan penggunaan bahasa untuk menjelaskan atau menghuraikan sesuatu perkara yang berlaku. Retorik teknik ini memperlihatkan penggunaan gaya deskriptif dan informatif. Antara ciri retorik pemerian ialah penggunaan bahasa secara tersusun, tepat dan jelas. Struktur penulisan teknik retorik adalah pendahuluan, huraian dan kesimpulan. Selain itu teknik retorik pemerian digunakan untuk memberikan gambaran yang lebih realistik. Contohnya adalah seperti yang berikut, iaitu:

- i. Dia (Siti Salina) berkemban, dan kedua belah bahunya tertutup oleh tuala mandi yang kecil; rambutnya yang disimpul longgar, kusut; beberapa helai rambutnya menutupi dahinya, dan melenggang-lenggang ke sana ke

mari bila ditiup angin sesekali.

(SS: 33)

- ii. Razman kurus tinggi orangnya. Tulang dada dan tulang pipinya timbul. Rambutnya kerinting-kerinting tetapi kebanyakannya terutama di tepi-tepi yang berhampiran dengan telinganya, sudah mulai putih. Giginya panjang-panjang dan sebatang-sebatang yang hampir sekali dengan sudut bibir kirinya – sudah patah; yang satu lagi – di tengahnya – sudah mula berlubang kecil dan hitam sedikit di tepi-tepi lubang itu.

(SS: 109)

Contoh (i) memerikan Siti Salina yang sedang menyiapkan diri untuk ke bilik mandi. Siti Salina tidak memakai baju sebaliknya hanya berkemban dan kedua belah bahunya ditutup oleh tuala mandi yang kecil. Rambutnya yang kusut itu disimpul longgar sehingga menyebabkan beberapa helai rambut menutupi yang dahinya dan bergerak-gerak ketika ditiup oleh angin. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan retorik mampu membantu pengarang untuk menyampaikan maklumat atau idea dengan berkesan dan memudahkan untuk pembaca memahami maklumat yang hendak disampaikan olehnya.

Contoh (ii) memperlihatkan pengarang memerikan tentang pancaindera Razman. Pengarang memerikan Razman seorang yang kurus dan tinggi yang telah menyebabkan tulang dada dan tulang pipinya timbul. Selain itu, pengarang memerikan rambut Razman yang kerinting telah ditumbuhi uban terutama di bahagian tepi yang berhampiran dengan telinganya. Pengarang turut memerikan gigi Razman yang panjang dan sebatang giginya yang berhampiran dengan bibir kirinya sudah patah dan sebatang gigi sudah mulai berlubang dan hitam. Keberkesanan retorik dalam contoh ini dapat dilihat melalui pemerian maklumat yang lengkap telah memudahkan pembaca menginterpretasi makna yang hendak ditonjolkan.

#### 4.1.4 *Penerangan*

Retorik penerangan berfungsi sebagai medium yang digunakan oleh pengarang untuk memberi penerangan dan pernyataan dengan lebih tersusun, teratur dan lengkap, iaitu satu langkah kepada langkah yang lain. Selain itu, retorik penerangan menampilkan penggunaan bahasa yang mempunyai intonasi dan nada yang menarik. Retorik ini ditampilkan dengan menggunakan bahasa yang formal, pemilihan diksi yang tepat dan makna yang jelas supaya khalayak sasaran dapat memahami maklumat dan mesej yang hendak disampaikan. Contohnya adalah seperti yang berikut, iaitu:

- i. “Entah. Saya dah membuta waktu dia pulang. Tapi jam tiga pagi sewaktu saya terjaga, dia belum pulang lagi.” Kata Abdul Fakar menerangkan.

(SS: 65)

- ii. “Yalah. Tapi aku harus buat atau reka yang bukan-bukan. Hah, sekarang tengok orang mulai benci kepadanya. Dan bila dia tau orang-orang benci kepada dia nanti, dia larilah akhirnya.... Sebab itulah dia tak begitu ambil berat. Cuba nanti dah banyak orang yang bencikan dia, larilah dia,” Zarina menerangkan.

(SS: 203)

Contoh (i) memperlihatkan tentang penerangan tentang Abdul Fakar yang menerangkan bahawa dia tidak mengetahui pukul berapa Siti Salina pulang ke rumahnya pada malam itu. Tetapi, ketika dia terjaga pada pukul 3 pagi, Siti Salina masih tidak pulang ke rumahnya. Retorik penerangan dalam contoh ini dihasilkan berbentuk dialog yang telah memberi kesan kepada pembaca dan telah memudahkan untuk pembaca merungkaikan persoalan yang dikemukakan oleh pengarang sebelumnya.

Contoh (ii) menerangkan tentang Zarina mereka-reka cerita untuk menghalau Sunarto keluar dari rumahnya. Dengan cerita rekaan itu, Zarina menerangkan bahawa Sunarto akan dibenci oleh orang kampung dan dia menjangkakan Sunarto akan melarikan diri kerana tidak dapat menahan malu akibat buah mulut orang yang membencinya. Retorik penerangan telah membantu pengarang untuk menghuraikan tentang rancangan Zarina supaya pembaca dapat memahami maklumat yang ingin disampaikan dengan mudah.

#### 4.1.5 *Pemujukan*

Retorik pemujukan bertujuan untuk meraih simpati dan perhatian daripada pembaca agar bertindak mengikut sesuatu yang disarankan oleh pengarang (Raminah Sabran, 2002b). Retorik pemujukan didasarkan pada beberapa ciri khusus penulisan. Pemilihan diksi yang tepat dan ayat dijalinan dengan kemas dapat menimbulkan tenaga kepada karya dan bertujuan untuk menarik perhatian pembaca. Pengarang harus mempunyai keyakinan terhadap kekuatan dan ketepatan sesuatu yang dinyatakannya.

Selain itu, retorik pemujukan merupakan satu penggunaan bahasa yang menarik dan mementingkan kehalusan berbahasa. Retorik teknik ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu pemujukan rasional dan pemujukan tidak rasional. Pemujukan rasional ialah pemujukan yang melibatkan penghujahan untuk mempengaruhi khalayak sasaran. Manakala pemujukan tidak rasional ialah pemujukan yang melibatkan emosi untuk mempengaruhi khalayak sasaran. Contohnya adalah seperti yang berikut, iaitu:

- i. “Sudahlah Inah, jangan kau ikutkan sangat hatimu. Kau akan susah sendiri nanti. Kalau kau sakit, sapa yang susah? Kau juga, kan? Abdul Fakar tak boleh kau harapkan. Tengok sahaja sekarang ni bagaimana dibuatnya kau.

(SS: 55)

- ii. Kau janganlah membuat maksiat. Kau janganlah membuat dosa. Ingatlah kepada Tuhan. Buatlah ibadat banyak-banyak. Kau akan selamat dari neraka jahanam, tempat orang-orang kafir.

(SS: 241)

Contoh (i) memerikan tentang retorik pemujukan yang digunakan oleh pengarang dalam novel *Salina*. Situasi tersebut melibatkan Katijah sedang memujuk Siti Salina yang sedang berduka akibat disakiti oleh Abdul Fakar. Katijah menasihatkan Siti Salina supaya tidak mengikut kata hati yang akan menyebabkan Siti Salina terluka dan jatuh sakit. Katijah turut menyatakan Abdul Fakar tidak boleh diharapkan sekiranya Siti Salina jatuh sakit. Contoh ini diangkat sebagai contoh retorik pemujukan kerana ianya telah membantu pengarang untuk menarik khalayak pembaca untuk sama-sama merasai dan menyelami situasi tersebut.

Contoh (ii) menerangkan tentang situasi Haji Karman yang sedang memujuk Nahidah supaya menjauhi perkara yang mungkar sebaliknya mendekati Allah dengan beribadat dan taat kepada-Nya. Ibadat yang dilakukan akan menyelamatkan Nahidah daripada memasuki neraka jahanam. Contoh ini ditampilkan sebagai contoh retorik pemujukan kerana ianya mempunyai maksud yang tersirat, iaitu semua perkara yang kita lakukan mestilah perkara yang diredhai oleh Allah. Selain itu, contoh ini mengajak pembaca untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan segala kejahatan.

## 4.2 **Kekerapan Penggunaan Teknik Retorik dalam Novel *Salina* Karya A. Samad Said**

Jadual 1 menunjukkan bahawa retorik penceritaan merupakan teknik retorik yang paling banyak digunakan dalam novel *Salina*, iaitu sebanyak 33 kali (33%). Kedua tertinggi ialah retorik penerangan yang digunakan sebanyak 30 kali (30%). Diikuti oleh retorik pemerian dan retorik pendedahan yang masing-masing mencatatkan 15 kali (15%) dan 14 kali (14%). Retorik pemujukan yang paling sedikit



digunakan dalam novel *Salina*, iaitu sebanyak 8 kali (8%). Dapatan ini membuktikan bahawa retorik penceritaan paling dominan digunakan oleh A. Samad Said dalam novel *Salina*. Oleh hal yang demikian, dapatan tersebut telah membuktikan bahawa retorik penceritaan dapat menimbulkan kesan pembacaan untuk mempengaruhi khalayak sasaran untuk kekal membaca maklumat atau mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang.

**Jadual 1:** Teknik Retorik dalam Novel *Salina* karya A. Samad Said

<b>Teknik Retorik</b>	<b>Kekerapan (kali)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Penceritaan	33	33
Pemerian	15	15
Pendedahan	14	14
Pemujukan	8	8
Penerangan	30	30
Jumlah	100	100

Dapatan kajian menunjukkan bahawa retorik penceritaan paling banyak digunakan oleh A. Samad Said dalam novel *Salina*. Kekerapan penggunaannya telah menunjukkan kebijaksanaan seseorang pengarang dalam mengolah ayat yang digunakan untuk memastikan maklumat dan mesej dapat disampaikan dengan sempurna dan berkesan. Kekerapan penggunaan retorik penceritaan telah menyokong pendapat Nik Hassan Basri Ab. Kadir (2007) yang menyatakan bahawa retorik penceritaan dipilih adalah untuk memastikan jalan cerita yang dibina itu menarik dan dapat mempengaruhi pembaca.

Retorik penerangan merupakan medium kedua terbanyak digunakan oleh A. Samad Said dalam menyerlahkan lagi olahan ayat dalam novel *Salina*. Retorik penerangan sering kali digunakan untuk menyampaikan idea dengan jelas dan mudah difahami serta pemilihan diksi yang tepat supaya maklumat dan mesej yang hendak disampaikan dapat menarik perhatian dan meyakinkan khalayak pembaca. Hal ini bertepatan dengan pendapat yang diutarakan oleh Norhaifa Bakar (2004) yang menjelaskan bahawa retorik melibatkan penggunaan bahasa yang tepat dan jelas maknanya dalam menyampaikan mesej dengan berkesan kepada pendengar atau pembaca.

Retorik pemerian turut digunakan dalam novel A. Samad Said. Retorik pemerian yang digunakan dalam novel *Salina* adalah bertujuan untuk menjelaskan sesuatu keadaan, situasi, kelakuan dan sebagainya dengan jelas, berkesan dan lengkap supaya pembaca dapat membaca fikiran pengarang semasa memerikan hal tersebut. Selain itu, retorik pemerian digunakan untuk memperkuat makna yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada pembaca. Retorik merupakan penggunaan bahasa secara kreatif bukannya bertujuan untuk berindah-indah semata-mata (Keris Mas, 1990).

Retorik pendedahan pula digunakan untuk menunjukkan bahawa setiap maklumat dan mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang memerlukan pendedahan yang mendalam tentang sesuatu isu, pendapat, konsep dan definisi supaya pembaca jelas dan tidak terkeliru dengan maklumat dan mesej yang hendak disampaikan dalam novel tersebut. Yokammal Mariasomla (2008) menyatakan bahawa retorik membantu pengguna bahasa menyalurkan idea, fikiran dan maklumat secara mendalam dan berkesan untuk meningkatkan kesan penyampaian sesebuah idea. Retorik pendedahan digunakan dalam membuat penerangan tentang sejarah, konsep, isu, proses dan pandangan (Raminah Sabran, 2002a).

Retorik pemujukan pula digunakan untuk mempengaruhi dan memujuk pembaca untuk sama-sama menyelami fikiran pengarang dan sama-sama merasai apa yang dirasai oleh pengarang. Hal ini selaras dengan pendapat Raminah Sabran (2002b) menyatakan bahawa prinsip retorik pemujukan adalah bertujuan untuk memujuk khalayak pembaca untuk membuat sesuatu perkara seperti yang diharapkan oleh pengarang.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan yang dibincangkan telah membuktikan bahawa retorik dalam novel *Salina* telah membantu A. Samad Said menyampaikan ideanya dengan berkesan dan mampu menarik perhatian pembaca. Tanpa kita sedari bahawa setiap hari kita menggunakan aspek retorik dalam komunikasi. Oleh itu, kita perlu menguasai cabang ilmu retorik tersebut supaya komunikasi kita menjadi lebih baik, betul, kreatif, berkesan dan mempunyai nilai estetika yang tinggi. Penguasaan semua lima teknik retorik yang dibincangkan di atas, pengarang akan dapat menampilkan struktur ayat yang padu dan mudah difahami oleh pembaca.

Selain itu, teknik retorik digunakan untuk memastikan maklumat dan mesej yang dirasai pengarang dapat juga dirasai oleh khalayak pembaca, menimbulkan kesan yang mendalam, menjawab setiap persoalan yang bermain dalam fikiran khalayak dan menghuraikan sesuatu peristiwa, keadaan, benda atau individu secara menyeluruh, lengkap dan mantap. Tuntasnya, retorik merupakan aspek penting yang harus dikuasai oleh pengarang untuk menampilkan idea, maklumat dan mesej yang dapat meyakinkan serta mempengaruhi khalayak pembaca. Penguasaan dalam aspek ini, akan membantu pengarang menghasilkan sebuah karya yang dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan bangsa, agama dan negara.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad. (2011). *Unsur-unsur ilmu badi' Arab dalam syair Hamzah Fansuri*. SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu, 29(2), 67-82.
- Awang Sariyan. (2006). Retorik sebagai alat berbahasa. *Pelita Bahasa*, 18(1), 8-12.
- Corbett, P. J., & Connors, R. J. (1998). *Classical rhetoric for the modern student*. New York: Oxford University Press.
- Dixon, P. (1991). *Retorik*. Diterjemah oleh Ismail Hamzah Nasution. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dori Wuwur Hendrikus, P. SVD. (1991). *Retorika, terampil berpidato, berdiskusi, berargumentasi, bernegosiasi*. Indonesia: Kanisius.
- Enos T., & Brown S. C. (1993). *Defining the new rhetorics*. Newbury Park, California: Sage Publication.
- Gorys Keraf. (1984). *Diksi dan gayabahasa: Komposisi lanjutan 1*. Jakarta: PT Gramedia.
- Gusfield, J. R. (1992). Listening for the silences: The rhetorics of the research field. Dalam Richard Harvey. (Eds.). *Writing the social text: Poetics and politics in social science discourse* (pp. 117-134). New York: ALDine de Gruyter.
- Keris Mas. (1990). *Perbincangan gaya bahasa sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lanham, R. A. (1991). *A handlist rhetorical terms*. London: University of California Press.
- Lim, K. H. (2007). *Pemikiran retorik barat: Sebuah pengantar sejarah*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Md. Sidin Ahmad Ishak, & Mohd. Saleh Rahamad. (2008). *Strategi bahasa: Panduan nahu dan retorik untuk penulisan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohamad Shahidan. (2004). Retorik dan stilistik. *Pelita Bahasa*, 3(16), 32-33.
- Natanson, M., & Johnstone H. W. (1965). *Philosophy, rhetoric and argumentation*. U.S.A.: University of Park.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2007). Kewajaran pengajaran komsas dalam bahasa Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu Jilid 5*. Diambil daripada <http://jurnalperadabanipm.blogspot.com/2008/08/jurnal-peradaban-melayu>.
- Nor Azuwan Yaakob. (2008). *Retorik kewartawanan Melayu akhbar Berita Harian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Husna Abd.Razak. (2009). *Retorik dalam iklan produk kesihatan*. (Tesis Sarjana), Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Nora Aziz. (2004). *Retorik novel Shit: Analisis novel paling luas*. (Latihan Ilmiah yang belum diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Norhaifa Bakar. (2004). *Retorik pengucapan Datuk Abu Hasan Din Al-Hafiz*. (Latihan Ilmiah yang belum diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2007, Januari). Retorik politik, kata-kata sakti pemujukan. *Dewan Bahasa*, 7(1), 24-26.
- Raminah Sabran. (2002a, November). Retorik pendedahan dan penghujahan. *Pelita Bahasa*, 14(11), 42-43.
- Raminah Sabran. (2002b, Disember). Retorik pemujukan dan pemerian. *Pelita Bahasa*, 14(12), 42-43.
- Raminah Sabran. (2003, Julai). Retorik penceritaan. *Pelita Bahasa*, 15(7), 42-43.
- Sobariah Baharum. (2008). *Retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Syed Arabi Idid (1993). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yokommel Mariasomalia. (2008). *Bahasa iklan dalam akhbar Tamil Malaysia: Satu kajian deskriptif*. (Disertasi Ijazah Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

